

Newspaper

Utusan Malaysia

Date

11 February 2016

PM mahu perbelanjaan berhemah diguna menyambut beliau, menteri Kabinet

Kurangkan kos lawatan kerja

UM - 11/2/2016

Oleh MOHAMAD HAFIZ
YUSOFF BAKRI

pengarang@utusan.com.my

■ KUALA LUMPUR 10 FEB.

DATUK Seri Najib Tun Razak mahu perbelanjaan yang digunakan untuk sambutan lawatan kerja beliau serta menteri-menteri Kabinet dikurangkan.

Perdana Menteri berkata, ini kerana setiap lawatan kerja yang dilakukan beliau adalah untuk bersama dengan rakyat, mendengar masalah mereka dan mencari jalan penyelesaian bersama.

Katanya, beliau telah mengingatkan Kabinet dan kementerian-kementerian untuk membelanjakan peruntukan yang diberi secara berhemah dalam Mesyuarat Jemaah Menteri pertama bagi tahun 2016 pada 6 Januari lalu.

"Ingin saya tambah bahawa ini merangkumi perbelanjaan yang digunakan ketika sambutan lawatan kerja serta majlis rasmi bersama saya atau menteri-menteri lain. Berdasarkan pemerhatian saya mela-

lui lawatan-lawatan kerja yang saya lakukan baru-baru ini, saya dapat lihat masih ada perbelanjaan yang boleh kita kurang atau elakkan.

"Saya berterima kasih untuk segala persiapan menyambut kehadiran saya. Saya faham sekiranya ada protokol yang perlu diikuti, tetapi di mana boleh, kita kurangkan persiapan seperti karpet merah, hidangan istimewa dan sebagainya. Fokus utama kita adalah rakyat, bukan protokol," katanya menerusi laman blog NajibRazak.com di sini hari ini.

Perdana Menteri menambah, beliau yakin terdapat beberapa perkara lain boleh dilakukan dengan lebih baik berkaitan dengan lawatan kerja serta majlis rasmi yang dihadiri beliau.

"Dalam setahun dua ini, saya telah merasmikan banyak majlis serta membuat lawatan kerja di sekitar negara. Alhamdulillah, saya nampak rakyat menerima baik pendekatan sebegini agar masalah mereka mendapat perhatian dan penyelesaian secepat mungkin," jelasnya.



Saya berterima kasih untuk segala persiapan menyambut kehadiran saya. Saya faham sekiranya ada protokol yang perlu diikuti, tetapi di mana boleh, kita kurangkan persiapan seperti karpet merah, hidangan istimewa dan sebagainya. Fokus utama kita adalah rakyat, bukan protokol."

NAJIB TUN RAZAK
Perdana Menteri

